20 AUG 2002
Puteri-pemilihan
TIADA PEREBUTAN JAWATAN PUTERI UMNO, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata pemilihan bagi jawatan dalam Puteri Umno pada 2 Nov tidak akan melibatkan "perebutan secara serius".

"Setakat ini tidak ada ura-ura akan ada pertandingan secara serius," katanya kepada pemberita selepas bermesyuarat dengan anggota Puteri Umno di sini hari ini.

Beliau berkata sebagai satu daripada cabang parti, Puteri Umno perlu mengikut peraturan pemilihan Umno seperti cabang lain.

"Tetapi kita beri kelonggaran. Bagaimanapun mana-mana peraturan yang ada dalam Umno terpakai juga kepada Puteri," katanya.

Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Othman Said berkata mesyuarat hari ini membincangkan mengenai perjalanan mesyuarat bahagian dan cawangan.

Ada anggota Puteri yang tidak berpuas hati kerana mendapati nama mereka tidak termasuk dalam senarai keahlian, katanya.

Mesyuarat itu turut membincangkan mengenai bilangan keanggotaan yang "tiba-tiba banyak" di peringkat bahagian.

"Kita tidak dapat pasti dari mana ia wujud," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi taklimat khas mengenai Puteri Umno pada Isnin ini.

-- BERNAMA

MUN KK AZH MAI